

📅 Jumaat, Mac 30 2018

Pelan ekonomi Malaysia berjaya - PM

UM 30/3.

KUALA LUMPUR 29 Mac -

Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu pelan ekonomi Malaysia telah berjaya dan berada di landasan yang betul apabila sering menerima pengiktirafan daripada agensi penarafan antarabangsa seperti Fitch Ratings.

Malah, Perdana Menteri turut berkongsi kegembiraan bersama seluruh rakyat apabila Fitch Ratings hari ini telah meletakkan penarafan A- dengan ramalan stabil pada penarafan kemungkiran penerbit (IDR) mata wang asing jangka panjang Malaysia.

Beliau berkata, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada 2017 juga telah mencapai kadar yang melebihi jangkaan kerajaan.

“Pertumbuhan KDNK 2017 mencapai melebihi jangkaan kerajaan sebagaimana ia menunjukkan peningkatan kepada 5.9 peratus daripada 4.2 peratus pada 2016.

“Fitch Ratings hari ini mengesahkan penarafan IDR Malaysia pada A- dengan ramalan stabil. Pelan ekonomi kita telah berjaya dan terus menunjukkan kejayaan. Kita kini berada di landasan yang betul,” katanya menerusi akaun Twitturnya di sini hari ini.

Agensi penarafan, Fitch Ratings dalam laporannya mengesahkan IDR Malaysia berada pada penarafan A- dengan ramalan stabil.

Fitch Ratings menjangkakan momentum pertumbuhan Malaysia positif bagi tahun ini dan pada tahun hadapan berdasarkan persekitaran luaran yang mengukuh.

